




ALAN (dua kiri, belakang) bersama sebahagian kanak-kanak dari Living Hope, Yayasan Generasi Gemilang dan Yayasan Buah Pinggang Negara selepas majlis menghias biskut gergasi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini.



CORAK masjid pada biskut ini mencuri tumpuan ramai.

Keriangan menghias biskut raya gergasi

BESARNYA biskut ini. Aku ingatkan kecil saja, jom kita hias cantik-cantik!" teriak Muhd. Firdaus Mohd. Asri, 11, kepada rakan-rakannya.


Begitulah reaksi Muhd. Firdaus semasa menyertai aktiviti menghias biskut raya gergasi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dia bersama 100 kanak-kanak dari badan kebajikan Living Hope dan Yayasan Generasi Gemilang (GG) serta 50 pesakit Yayasan Buah Pinggang Negara (NKF) merupakan antara tetamu yang diraikan dalam acara anjuran pusat konvensyen itu.

Muhd. Firdaus, gembira kerana dapat meluangkan masa bersama rakan-rakan lain untuk menyertai aktiviti itu.

Pada acara itu, mereka bersama-sama cef dan pasukan kulinari Pusat Konvensyen Kuala Lumpur menggunakan aising, taburan gula-gula halus dan butang coklat untuk menghiasi biskut itu yang saiznya umpama kek hari jadi.

Bagi melakukan aktiviti itu, kanak-kanak berkenaan dibahagikan kepada lapan



KANAK-KANAK menghias biskut raya mengikut kreativiti masing-masing.



TOPI, apron dan bahan-bahan menghias biskut raya disediakan untuk digunakan para peserta.

orang dalam satu kumpulan. Setiap kumpulan diberikan masa 15 minit untuk berkongsi idea dengan melukis hiasan biskut mereka di atas kertas putih terlebih dahulu.


Selepas itu, mereka di

tempatkan pada meja masing-masing bersama biskut gergasi, topi, apron dan bahan-bahan hiasan biskut tersebut. Masa yang diberikan untuk menghias biskut itu pula adalah 30 minit.

Ada antara kumpulan tersebut melukis gambar masjid, pelita dan ketupat. Tidak kurang juga yang menunjukkan bakat menyusun atur hiasan berkenaan menggunakan taburan gula halus dan butang coklat.

Seorang lagi peserta, Muhd. Fihru Aiman Mohd. Fadil, 13, berkata, mereka menghias biskut raya secara bergilir-gilir dan masing-masing diberi peluang untuk menunjukkan bakat dan kreativiti.

"Saya misalnya ditugaskan



ANTARA hasil hiasan biskut raya gergasi oleh tetamu cilik.

untuk menulis Selamat Hari Raya dengan menggunakan ising. Terketar juga tetapi akhirnya berjaya menyiapkannya," katanya kepada Kosmo!.

Menjelaskan tentang majlis istimewa berkenaan, Pengurus Besar Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Alan Pryro berkata, senyum dan tawa kanak-kanak tersebut bukan sahaja menghiburkan malah menyentuh hati mereka.

"Kami seronok dapat meraikan mereka dengan acara seperti ini. Kami berharap dapat meneruskan hubungan dengan Living Hope, GG dan NKF untuk tahun-tahun akan datang.

"Saya kagum dengan pertubuhan-pertubuhan seperti ini yang banyak membantu kanak-kanak miskin dan terpinggir. Usaha mereka itu memberikan masa depan yang lebih baik buat kanak-kanak yang kurang bernasib baik ini," tuturnya.



MUHD. FIRDAUS



MUHD. FIHRU